

## **MEMBANTU MURID TAHUN LIMA MENULIS HURUF BESAR DAN KECIL DALAM LATIHAN KEFAHAMAN MELALUI IMEJ VISUAL**

Oleh

**Patrice Ann Anak Abot**  
**anndang87@gmail.com**

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan tindakan ini dijalankan bagi mengkaji kesan penggunaan imej visual dalam membantu dua orang murid Tahun Lima menulis huruf besar dan kecil dengan tepat dalam latihan kefahaman Bahasa Melayu. Selain itu, penyelidikan ini turut memberi peluang kepada saya untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran dari aspek kemahiran menulis. Penggunaan imej visual adalah berasaskan salah satu kecerdasan dalam teori Kecerdasan Pelbagai Gardner (1983). Data telah dikumpul melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Untuk menganalisis data, analisis kandungan, pola dan dilema digunakan manakala triangulasi sumber dan triangulasi kaedah digunakan bagi menyemak data. Analisis data menunjukkan imej visual dapat membantu murid menulis huruf besar dan kecil dengan tepat di samping menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya.*

*Kata kunci: Huruf besar dan kecil, penggunaan imej visual, Kecerdasan Pelbagai Gardner, latihan kefahaman Bahasa Melayu, murid Tahun Lima*

### **ABSTRACT**

*This action research was carried out to examine the effect of visual images in helping two Five Years pupils write uppercase and lowercase letters correctly in Malay comprehension exercises. Besides that, the study provided me the opportunity to improve my teaching and learning practices related to writing skills. The visual images used is based on one of the intelligences proposed in Gardner's (1983) Multiple Intelligence Theory. Data were collected through interviews, observations and document analysis. To analysis the data, I have used content, patterns and dilemma analysis while triangulation of sources and methods were used for the checking data. Data analysis showed that visual images helped pupils write uppercase and lowercase letters correctly in addition to improving my teaching practices.*

*Key words: Capitalisation, the use of visual images, Gardner's Multiple Intelligences, Malay comprehension exercise, Five Years pupils*

### **PENGENALAN**

#### **Konteks**

Saya telah menjalani praktikum fasa 3 di Sekolah Kebangsaan Goma dua (nama samaran) dan telah mengajar murid-murid Tahun 5 Bintang (bukan nama sebenar) yang mempunyai bilangan murid seramai 34 orang. Saya tidak mengalami sebarang masalah dari segi sikap, tingkah laku dan kawalan kelas. Dalam kelas ini, saya mendapati murid-murid agak cerdas dan dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p) dengan baik. Namun begitu, murid saya mengalami masalah dari segi kemahiran menulis iaitu menulis huruf besar dan kecil.


Saya juga mengalami masalah yang sama semasa menjalani praktikum fasa 2 di Sekolah Kebangsaan Rumah Panjang. Lino (bukan nama sebenar) tidak dapat membezakan penggunaan huruf 'j' besar dan kecil. Namun, saya menghadapi kekangan masa untuk mencari dan melaksanakan tindakan bagi tujuan membantu Lino. Pada praktikum pertama dan kedua, saya tidak berkesempatan untuk membantu murid-murid mengatasi masalah menulis mereka disebabkan kekangan masa dan pengalaman untuk berbuat demikian.

Bagi praktikum ketiga, saya telah dibimbing oleh pensyarah dan guru pembimbing untuk melaksanakan tindakan bagi membolehkan saya melakukan penyelidikan tindakan ini. Saya sedar pembelajaran yang bermakna juga melibatkan pemberian ruang dan peluang untuk mengatasi kelemahan murid sekaligus dapat menambah baik amalan p&p saya sebagai seorang guru.

### Isu Keprihatinan

Saya telah membuat tinjauan awal terhadap hasil kerja Bahasa Melayu murid-murid dalam kelas 5 Bintang. Tinjauan awal ini berdasarkan latihan yang saya berikan kepada mereka. Saya membuat semakan dan teguran agar mereka tidak mengulangi kesilapan yang sama. Namun Pika dan Azra (nama samaran) tetap melakukan kesilapan. Ini melibatkan kesemua huruf yang difokuskan iaitu 'j' dan 'k'. Rajah 1 menunjukkan Pika menulis huruf 'j' besar mahupun di tengah perkataan atau ayat manakala Azra menulis huruf 'k' menyerupai huruf 't' kecil.

Latihan Menulis (7 Februari 2012)



Rajah 1. Kesalahan menulis huruf 'j' oleh Pika dan huruf 'k' oleh Azra.

Kesalahan menulis huruf oleh Pika dan Azra mendorong saya menjalankan kajian untuk membantu mereka. Selain itu, temu bual saya dengan guru Bahasa Melayu kelas 5 Bintang turut menunjukkan Pika dan Azra mengalami masalah dalam menulis huruf besar dan kecil. Rajah 2 menunjukkan temu bual saya dengan Cikgu N (nama samaran).

Saya	: Apa pendapat cikgu tentang masalah Pika dan Azra?
Cikgu N	: Mereka boleh menulis cuma tidak memahami konsep penulisan dan penggunaan huruf dengan betul.
Saya	:Maksud cikgu?
Cikgu N	: Pika tahu ada huruf 'j' kecil dan besar tetapi dia tidak pernah menggunakan huruf 'j' kecil semasa menulis. Azra pula menulis huruf 'k' dengan cara yang salah.

Rajah 2. Transkrip temu bual dengan guru Bahasa Melayu kelas 5 Bintang pada 24 Februari 2012.

Perbincangan dengan Cikgu N menyakinkan saya untuk membantu Pika dan Azra. Cikgu N juga mencadangkan agar saya menggunakan latihan berbentuk gambar huruf, menggabungkan pendekatan konstruktivisme dan memberi perhatian kepada Pika dan Azra semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan penggunaan imej visual dalam:

- membantu Pika dan Azra menulis huruf besar dan kecil ‘j’ serta ‘k’ dengan tepat dalam latihan kefahaman Bahasa Melayu Tahun Lima; dan
- menambah baik amalan p&p saya melalui penggunaan imej visual ke arah membantu murid menulis huruf besar dan kecil ‘j’ serta ‘k’ dengan tepat dalam latihan kefahaman Bahasa Melayu Tahun Lima.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah:

- Sejauh manakah penggunaan imej visual dapat membantu Pika dan Azra menulis huruf besar dan kecil ‘j’ serta ‘k’ dengan tepat dalam latihan kefahaman Bahasa Melayu Tahun Lima?
- Bagaimanakah penggunaan imej visual menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya berkaitan kemahiran menulis huruf besar dan kecil ‘j’ serta ‘k’ dengan tepat dalam latihan kefahaman Bahasa Melayu Tahun Lima?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Saya mula mengesan masalah Pika dan Azra semasa menyemak latihan kefahaman dalam buku latihan mereka pada 7 Februari 2012. Selepas itu, saya memberikan latihan yang mengandungi huruf ‘j’ dan ‘k’ yang banyak pada 13 Februari 2012 dan 15 Februari 2012 untuk memastikan sama ada mereka betul-betul mempunyai masalah dalam menulis huruf besar dan kecil.

Sebagai contohnya, Lina Ping Madang (2010) telah mengkaji kesan penggunaan kertas kotak bergaris (KKB) dalam membantu murid Tahun 2 menulis huruf ‘j’ besar dan kecil. Abd Kareem Firdaus Abd Razak (2010), menggunakan kaedah masteri bagi membantu peserta kajian menulis huruf besar dan kecil. Dapatan kajian Micheal Saten (2010), menunjukkan kejayaannya membantu peserta kajian beliau mengurangkan masalah dalam menulis huruf besar dan kecil menggunakan kaedah bimbingan individu. Ini selari dengan kajian Zainora Mohd (2005) (dalam Micheal Saten 2010) yang menggunakan kad suku kata dan latih tubi dalam membantu murid-muridnya membaca dan menulis dengan baik. Camelya Loyanto (2010) pula


menggunakan kaedah imej visual dalam membantu peserta kajianya menulis huruf besar dan kecil dalam ayat.

Berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan, saya memilih untuk menggunakan imej visual dalam membantu Pika dan Azra. Gardner (1983) menyatakan kecerdasan visual-ruang melibatkan kemahiran melukis, mewarna, mencorak dan menggunakan ruang untuk mengaplikasikan sesuatu perkara. Sesuai dengan kenyataan Gardner, saya melaksanakan tindakan awal iaitu mencorak dan mewarna huruf untuk membina pemahaman mereka tentang penulisan huruf besar dan kecil. Ini selari dengan pendapat Vygotsky (1934) iaitu ilmu pengetahuan dibina melalui proses saling pengaruh dengan pembelajaran terdahulu. Watson (1930) berpendapat untuk mengukuhkan perkara yang dipelajari dalam ingatan, latihan hendaklah dijalankan berulang kali. Oleh yang demikian, saya telah membuat latihan berulang kali kepada Pika dan Azra dengan mengaplikasikan penggunaan imej visual.

### Pelaksanaan Tindakan

Sayatelah membahagikan tindakan saya kepada tiga peringkat iaitu awal tindakan, semasa tindakan dan selepas tindakan. Saya mula memperkenalkan kaedah imej visual pada 27 Mac 2012 dan menggunakan bermula pada 30 Mac 2012.

Pada peringkat awal tindakan, saya banyak menggunakan lembaran kerja berbentuk imej visual iaitu mencorak dan mewarna huruf untuk meningkatkan pemahaman Pika dan Azra tentang konsep huruf besar dan kecil 'j' serta 'k'. Selepas itu, saya memberikan latihan menyalin semua huruf dengan meniru imej yang disediakan. Latihan ini diberikan sebagai latih tubi kepada Pika dan Azra. Pada peringkat semasa tindakan, saya mula memberikan latihan kefahaman dengan mengaplikasikan penggunaan imej visual iaitu meletakkan gambar huruf di atas meja Pika dan Azra semasa mereka membuat latihan. Rajah 3 menunjukkan gambar huruf yang saya gunakan sepanjang melaksanakan tindakan.



Rajah 3. Bahan bantu belajar yangdigunakan.

Bahan bantu belajar yang sama saya gunakan setiap waktu p&p Bahasa Melayu untuk Pika dan Azra. Bagi aktiviti latihan selepas tindakan, saya meminta murid mengingati kembali imej visual yang ditunjukkan pada peringkat awal dan semasa tindakan bagi meningkatkan daya ingatan mereka. Saya telah memberikan semula latihan 10 April 2012 dan 12 April 2012 pada 26 April 2012.

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Saya telah memilih dua orang peserta kajian untuk penyelidikan tindakan ini berdasarkan masalah yang ditunjukkan pada lembaran kerja, buku aktiviti, buku penulisan dan buku pemahaman mereka. Selain itu, temu bual dengan guru Bahasa Melayu juga mengesahkan masalah yang dihadapi oleh mereka.

### Pika

Pika mengalami masalah menulis huruf ‘j’ besar dan kecil dalam latihan Bahasa Melayu yang diberikan. Pika tidak pernah menulis huruf ‘j’ kecil malah dalam semua hasil tulisannya, dia hanya menulis huruf ‘j’ besar walaupun di tengah perkataan mahupun ayat. Dari segi latar belakangnya, Pika berasal daripada keluarga yang kurang berpendapatan. Bapa Pika hanya bekerja sebagai buruh binaan manakala ibunya suri rumah sepenuh masa. Pika merupakan anak ketiga daripada tujuh orang adik-beradik. Berdasarkan pemerhatian dan temu bual dengan rakan-rakannya, saya mendapati Pika tinggal di kawasan kejiranan yang boleh dianggap kawasan setinggan. Dia ke sekolah menggunakan motosikal dan kadang-kadang berjalan kaki sejauh lebih kurang satu kilometer. Pakaian sekolahnya agak lusuh sehingga menyebabkan dia sering disisihkan rakan-rakan sekelasnya. Keadaan tersebut menyebabkan Pika semakin tersepit dan menjadi pendiam di dalam kelas walaupun dia sebenarnya pandai membaca.

### Azra

Azra pula mempunyai masalah dalam menulis huruf ‘k’ dengan kemas. Bentuk huruf ‘k’ yang ditulis oleh Azra menyerupai huruf ‘t’ kecil. Azra berasal daripada keluarga yang sederhana dan penampilan diri kemas serta bersih. Azra juga merupakan anak ketiga daripada empat orang adik-beradik. Bapa dan ibunya bekerja sebagai penjawat awam. Dari segi latar belakang ekonomi keluarga, Azra tidak mengalami masalah. Namun, Azra adalah seorang murid yang pemalu dan pendiam.

Saya merupakan guru pelatih PISMP BM ambilan Januari 2009 di IPG KBL dan telah melaksanakan tiga fasa praktikum. Sepanjang menjalani praktikum, saya telah mengajar kelas Tahun Empat dan Lima. McNiff (1988) menyatakan penyelidikan tindakan merupakan satu asas untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan yang dapat menggalakkan guru menjadi lebih sedar tentang amalan sendiri. Selari dengan kenyataan McNiff, saya juga merupakan seorang peserta kajian iaitu menggunakan imej visual untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya berkaitan kemahiran menulis huruf besar dan kecil ‘j’ serta ‘k’.

### Etika Penyelidikan

Sebelum melaksanakan penyelidikan, saya terlebih dahulu meminta kebenaran daripada Pika dan Azra secara lisan dan bertulis. Saya juga menerangkan tindakan yang dilaksanakan dan berjanji merahsiakan butir-butir peribadi mereka. Selain itu, saya juga meminta kebenaran daripada guru kelas mereka untuk membenarkan saya melaksanakan kajian ini di dalam kelasnya.

### Teknik Mengumpul Data

Teknik mengumpul data kajian ini melibatkan temu bual, pemerhatian, analisis dokumen dan borang soal selidik.

#### Temu bual

Saya menggunakan temu bual semi struktur terhadap peserta kajian, guru-guru sekolah lain dan rakan sepraktikum. Temu bual dengan Pika dan Azra telah dijalankan pada 18 April 2012. Saya juga telah menemui bual guru Bahasa Melayu, Sains dan Bahasa Inggeris bagi Tahun 5 Bintang pada 27 April 2012. Rajah 4 menunjukkan contoh soalan temu bual dengan guru pembimbing saya.

- Cikgu telah membuat penilaian terhadap p&p yang saya jalankan, jadi apakah pendapat cikgu tentang penggunaan imej visual dalam membantu masalah Pika dan Azra?
- Apakah cadangan atau penambahbaikan yang cikgu ingin utarakan?


Rajah 4. Contoh soalan semi struktur.

#### Pemerhatian

Saya telah membuat pemerhatian terhadap Pika dan Azra semasa kelas Bahasa Melayu, bimbingan secara individu atau berkumpulan dan aktiviti dalam kelas mata pelajaran lain. Pemerhatian yang dibuat direkodkan dalam catatan harian dan nota lapangan. Saya juga meminta rakan mengambil gambar semasa saya melaksanakan tindakan dengan Pika dan Azra sebagai bukti.

#### Analisis dokumen

Lembaran kerja dan buku latihan untuk kefahaman BM merupakan salah satu sumber data kajian ini. Rajah 5 menunjukkan contoh analisis dokumen dalam bentuk lembaran kerja Pika yang digunakan untuk mengumpul data kajian.




Rajah 5. Latihan Pika pada 12 April 2012.

Berdasarkan semua lembaran kerja yang diberi, saya dapat membuat analisis bilangan kesilapan menulis huruf Azra dan Pika.

#### Borang soal selidik

Saya juga menggunakan borang soal selidik untuk menilai kesan penggunaan imej visual dalam membantu Pika dan Azra mengurangkan kesilapan menulis huruf besar dan kecil. Borang soal selidik ini diberikan kepada peserta kajian, guru pembimbing dan rakan sepraktikum saya. Rajah 6 menunjukkan skala likert pada borang tersebut yang saya gunakan untuk menilai tindakan saya.



Rajah 6. Skala likert borang soal selidik yang digunakan.

Berdasarkan borang tersebut, saya dapat menilai kesan penggunaan imej visual dalam membantu Pika dan Azra melalui pandangan peserta kajian, rakan separktikum dan guru lain.

### Teknik Menganalisis Data

Saya menggunakan analisis kandungan, analisis pola dan analisis dilema untuk menganalisis data yang dikumpul.

#### Analisis kandungan

Lembaran kerja dan buku latihan peserta kajian disemak untuk meneliti penulisan huruf besar dan kecil mereka. Saya membuat analisis kandungan berdasarkan bilangan kesilapan menulis huruf yang dilakukan. Jadual 1 menunjukkan bilangan kesilapan menulis huruf mengikut tarikh latihan diberi kepada Pika dan Azra.

Jadual 1

*Bilangan Kesilapan Menulis Mengikut Tarikh*

Nama/ Tarikh	Tarikh Latihan						
	30.3.12 Pika (huruf 'j')	10.4.12 5/10	11.4.12 7/26	12.4.12 4/26	16.4.12 4/17	17.4.12 2/17	19.4.12 -
Azra(huruf 'k')	21/28	-	3/21	9/21	6/21	2/14	-

Berdasarkan jadual tersebut, saya dapat menilai peratusan kesilapan menulis huruf Pika dan Azra.

Saya juga menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis catatan harian, nota lapangan, dan transkrip temu bual yang dibuat. Sebagai contohnya, bagi transkrip temu temu bual, saya menggunakan tema faham, suka dan minat.

#### Analisis Pola

Berdasarkan analisis kandungan, saya telah membuat analisis pola dengan mencari pola persamaan serta pola sebab dan akibat. Pola persamaan seperti persamaan kesilapan menulis huruf 'j' dan 'k' digunakan untuk mencari persamaan data yang berlaku antara peserta kajian saya manakala pola sebab dan akibat digunakan untuk mencari perkaitan antara keputusan peratus kesilapan dengan faktor persekitaran.

#### Analisis Dilema

Analisis dilema digunakan untuk memahami dilema yang berlaku dalam tindakan saya terhadap peserta kajian. Sebagai contoh, Pika telah berupaya memahami


konsep penulisan huruf 'j' besar dan kecil melalui imej visual dan minat untuk belajar tetapi tetap melakukan kesalahan yang sama dalam lembaran kerja yang diberi.

### Teknik Menyemak Data

Saya memilih untuk menggunakan triangulasi sumber dan kaedah bagi menyemak data.

#### Triangulasi sumber

Bagi triangulasi sumber, saya menemu bual guru pembimbing dan rakan sepraktikum yang telah membuat pemerhatian semasa saya melaksanakan tindakan terhadap Pika dan Azra. Saya juga meminta rakan sepraktikum menyemak latihan yang dibuat oleh Pika dan Azra. Rajah 7 menunjukkan contoh latihan yang disemak oleh rakan sepraktikum saya.



Rajah 7. Latihan Azra pada 18 April 2012.

#### Triangulasi kaedah

Bagi triangulasi kaedah, saya menyemak data berdasarkan transkrip temu bual, pemerhatian dan dokumen yang dikumpul. Sebagai contoh, untuk mendapatkan maklum balas tentang kesan penggunaan imej visual terhadap Pika dan Azra dalam latihan kefahaman Bahasa Melayu Tahun Lima, saya menggunakan kaedah pemerhatian dan data berbentuk dokumen. Rajah 8 menunjukkan triangulasi antara temu bual dan analisis dokumen yang digunakan.

Two side-by-side documents are shown. On the left is a transcript of a conversation between Saya and Pika:

Saya : Adakah awak suka belajar dengan cikgu?  
Pika : Suka, cikgu.  
Saya : Adakah Pika berminat untuk belajar?  
Pika : Dulu tidak, cikgu. Tapi sekarang, saya minat belajar dengan cikgu.  
Saya : Kenapa?  
Pika : Sebab saya dihargai dalam kelas cikgu.

On the right is a worksheet titled 'terlonggar pokok dipandu yang oleh Hanizan Kereta nyaris'. It contains handwritten notes:

3. Hanizan yang dipandu oleh *gar pokok* oleh *terlonggar*.  
lis untuk yang terkenal ada hati Ajmal dan Shafiq  
en Shafiq 'memiliki penulis tertar  
da hati'.  
Tahniah!  
Anda sudah dapat membentuk  
huruf 'j' kecil dan besar.

A callout box at the bottom states: "Pika telah dapat menulis huruf besar dan kecil 'j' dalam latihan yang diberi."

Rajah 8. Triangulasi temu bual (18 April 2012) dengan lembaran kerja (26 April 2012).

Saya juga menggunakan "member checking" dalam kaedah menyemak data. Misalnya, saya menunjukkan semula gambar membuat bahan bantu mengajar dengan mengaplikasikan imej visual dengan rakan sepraktikum untuk kesahan data. Saya juga menunjukkan semula transkrip temu bual kepada guru pembimbing

untuk mengesahkan bahawa kenyataan yang diutaranya sama seperti yang diujarkan semas temu bual kepada saya.

## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan

- **Sejauh manakah penggunaan imej visual dapat membantu Pika dan Azra menulis huruf 'j' dan 'k' besar dan kecil dengan tepat dalam latihan kefahaman Bahasa Melayu Tahun Lima?**

Berdasarkan analisis yang dibuat, Pika telah berjaya menulis huruf besar dan kecil 'j' dengan tepat dalam latihan kefahaman BM. Jadual 2 menunjukkan peratus kesilapan menulis huruf oleh Pika dan Azra.

Jadual 2

Peratusan Kesilapan

Tarikh Latihan/ Nama	Peratus kesilapan	
	Pika	Azra
30 Mac 2012	50.00	75.00
10 April 2012	26.92	Tidak Hadir
11 April 2012	15.38	14.29
12 April 2012	23.53	42.86
16 April 2012	11.76	28.57
17 April 2012	Tidak Hadir	14.29
19 April 2012	10.53	Tidak Hadir
23 April 2012	0.0	Tidak Hadir
24 April 2012	0.0	0.0
26 April 2012	0.0	22.73

Berdasarkan Jadual 2, saya mendapati Pika sudah dapat mengurangkan kesilapannya menulis huruf 'j' besar dan kecil secara keseluruhannya daripada 50% kesilapan keada tiada kesilapan. Pika tidak lagi melakukan kesilapan pada tiga latihan terakhir yang saya berikan. Ini menunjukkan kaedah imej visual berjaya membina semula konsep baharu Pika terhadap penulisan huruf 'j' besar dan kecil.

Pencapaian Pika amat memberansangkan dengan penggunaan imej visual. Selari dengan dapatan kajian Dansereau (1980) mendapati pelajar kolej yang dilatih menggunakan strategi imej visual juga menunjukkan pencapaian antara 17 peratus sehingga 40% lebih baik daripada pelajar yang tidak dilatih dalam aspek kandungan pelajaran teknikal. Dapatan kajian Camelya (2010) juga menyatakan melalui kaedah imej visual yang dilaksanakan Gituen tidak lagi melakukan kesalahan penggunaan huruf di hadapan ayat.


Azra pula menunjukkan prestasi kurang berjaya dalam menulis huruf besar dan kecil 'k' dengan tepat. Ini selari dengan peratusan kesilapan menulis huruf dalam Jadual 2. Saya telah mencari perkaitan antara pola ini sehingga mengakibatkan prestasinya tidak konsisten. Jadual 3 menunjukkan analisis pola sebab dan akibat.

Jadual 3  
*Pola Sebab dan Akibat*

Sebab	Akibat
Kedudukan di tepi tingkap dan terkena cahaya matahari	Tempat duduk yang kurang selesa
Selalu tidak hadir ke sekolah	Tidak mendapat bimbingan mengikut tarikh yang ditetapkan
Cuaca panas	Resah
Tidak selesa semasa proses p&p	Mengeluh dan bosan
Tidak dapat mengikut p&p dengan baik	Mimik muka yang masam

Ketidakhadiran ke sekolah dan faktor persekitaran menjadi punca kepada prestasi Azra yang tidak konsisten. Ini disebabkan banyak latihan dan bimbingan yang terpaksa ditunda memandangkan dia tidak menghadirkan diri. Ketidakhadiran Azra menyebabkan ilmu yang baharu dibina tidak dapat dipertingkatkan melalui latihan lembaran kerja. Tempoh masa tidak hadir itu membuatkan dapatan ilmunya yang baharu saja diperolehi tidak kekal lama dan dalam kesamaran. Oleh itu, Azra seakan-akan ingat lupa tentang gambar huruf yang dipelajarinya sebelum ini. Ditambah pula dengan gangguan persekitaran turut menyebabkan Azra semakin hilang fokus. Sebagai seorang guru dan penyelidik, adalah menjadi tanggungjawab untuk saya merekodkan data yang timbul walaupun data tersebut tidak menunjukkan kejayaan secara seratus peratus.

Walaupun begitu, Azra masih menunjukkan penurunan bilangan kesilapan huruf 'k' dalam latihan yang diberi. Jika dibandingkan dengan data sebelum tindakan, Azra sebenarnya telah berjaya mengurangkan sebanyak 28.26% kesilapan berbanding 75% sebelum tindakan. Rajah 9 menunjukkan dilema dalam tindakan saya terhadap Azra.



Tarikh Latihan/ Nama	Peratus kesilapan
Azra	75.00
30 Mac 2012	75.00
10 April 2012	Tidak Hadir
11 April 2012	14.29
12 April 2012	42.86
16 April 2012	28.57
17 April 2012	14.29
19 April 2012	Tidak Hadir
23 April 2012	Tidak Hadir
24 April 2012	0.0
26 April 2012	22.73

Saya : Adakah awak suka belajar dengan cikgu?  
 Azra : Suka....  
 Saya : Kenapa?  
 Azra : Cikgu selalu beri perhatian kepada saya. Latihan pun cikgu semak.  
 Saya : Adakah awak minat belajar?  
 Azra : Ya, cikgu.

Rajah 9. Peratus kesilapan Azra tidak konsisten dengan temu bualnya.

Berdasarkan Rajah 9, saya mengalami dilema tentang keputusan Azra yang tidak teknal dengan luahannya dalam teks temu bual pada 18 April 2012. Kandungan temu bual tersebut tidak konsisten dengan peratus kesilapan menulis huruf yang dilakukan oleh Azra. Ini menimbulkan persoalan kepada saya iaitu kenapa Azra menunjukkan peratus kesilapan yang tidak teknal sedangkan dia suka dan minat untuk belajar?

Kesimpulannya, dapatlah saya rumuskan bahawa penggunaan imej visual telah berjaya membantu Pika dan Azra menangani masalah menulis huruf besar dan kecil ‘j’ dan ‘k’ dalam latihan kefahaman Bahasa Melayu. Dapatan kajian Jerome Agong, Jamurah Galitang & Sobina Boisi (2008) mendapati imej visual dapat membantu murid-muridnya menulis ayat menggunakan perkataan yang diberi. Campbell (1994) juga dapat memperkembangkan pelbagai kemahiran murid-muridnya melalui pengajaran menggunakan kaedah imej visual.

- **Bagaimanakah penggunaan imej visual menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya berkaitan kemahiran menulis huruf besar dan kecil ‘j’ serta ‘k’ dengan tepat dalam latihan kefahaman Bahasa Melayu Tahun Lima?**

Sebagai seorang guru, saya telah melaksanakan tindakan imej visual untuk membantu Pika dan Azra menulis huruf besar dan kecil dengan tepat dalam latihan kefahaman Bahasa Melayu. Saya juga telah menambah baik cara membuat penyemakan latihan murid dengan memberi keutamaan kepada masalah menulis huruf serta mencatat komen dan kata-kata nasihat dalam latihan mereka. Disamping itu, saya sentiasa peka terhadap masalah menulis huruf Pika dan Azra. Ini selari dengan pendapat Zailan Jeman (2005) yang menyatakan penyelidikan yang dijalankan menjadikannya lebih prihatin terhadap anak muridnya.

Menurut kajian Kounin (1971) (dalam Haliza Hamzah & Samuel, 2008), teguran atau tindakan guru terhadap seseorang murid yang melakukan salah laku akan memberi kesan kepada murid-murid lain. Namun, jika dikaitkan dengan pengalaman serta tindakan yang saya laksanakan dalam penyelidikan ini menunjukkan saya selaku guru, peserta kajian dan penyelidik telah membuat penambahbaikan dalam p&p hasil daripada tindakan saya terhadap Pika dan Azra. Kesan ini memberikan tindak balas positif apabila saya turut prihatin terhadap masalah menulis murid lain dalam kelas 5 Bintang.

Penggunaan imej visual bukan sahaja membantu mengurangkan masalah menulis Pika dan Azra tetapi turut menjadi satu landasan yang membolehkan Pika dan Azra berasa dihargai sekaligus menjadikan minat belajar semakin bertambah. Selaku penyelidik, saya berbangga dengan prestasi Pika dan Azra seperti yang dinyatakan mereka dalam temu bual. Justeru, saya semakin bersemangat dan yakin untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Walaupun saya seorang guru yang tegas, namun saya tidak pernah menunjukkan sifat pilih kasih terhadap mereka. Saya sentiasa bertanya keperluan dan mengikuti perkembangan semasa murid-murid. Menurut Larrivee (2005) (dalam Haliza Hamzah & Samuel 2009), budaya penyayang terbentuk apabila ahli-ahli dalam sesebuah komuniti mengutamakan kebijakan ahli-ahlinya. Oleh yang demikian, saya telah cuba memaksimumkan sebaik mungkin kaedah imej visual dan penggunaan bahan bantu mengajar untuk menarik minat murid agar mereka lebih memahami proses p&p. Saya tidak mengehadkan penggunaan imej visual dalam kelas Bahasa Melayu sahaja. Saya turut melaksanakan p&p Pendidikan Sivik dan Kewarganeraan (PSK) berdasarkan kaedah imej visual misalnya untuk tema Kenali Budaya Malaysia. Di samping itu, saya juga melaksanakan pembelajaran luar bilik darjah (PLBD) agar murid tidak bosan untuk belajar di dalam kelas sahaja.

Aristotle (384-322 SM) (dalam Haliza Hamzah & Samuel, 2009) berpendapat, pemerhatian dan pengamatan memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran untuk memperolehi imu pengetahuan. Sepanjang peringkat tindakan yang dilaksanakan, banyak perkara yang saya pelajari termasuk cara mengadaptasi imej visual dengan proses p&p dalam kelas. Ini melibatkan penyediaan bahan bantu mengajar, rancangan pengajaran harian termasuklah lembaran kerja agar sesuai dengan isi pelajaran dan tahap murid. Pembacaan, pencarian maklumat di laman sesawang, dan buku-buku dapat meningkatkan lagi pengetahuan saya berkaitan kaedah imej visual ini.

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

Antara kekuatan dalam penyelidikan tindakan ini ialah kerjasama yang diberikan oleh peserta kajian saya. Saya mampu melaksanakan penyelidikan ini atas kerjasama yang diberikan oleh peserta kajian saya, Pika dan Azra yang juga komited dalam mengurangkan masalah menulis huruf besar dan kecil yang mereka hadapi sejak dulu lagi. Pensyarah dan guru pembimbing juga memberikan kerjasama yang erat dalam memberi tunjuk ajar dan bimbingan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang sering memberi maklum balas positif sepanjang saya menyiapkan laporan ini.

Selain itu, penggunaan imej visual ini juga berjaya membantu Pika dan Azra mengurangkan kesilapan menulis mereka sekaligus dapat memupuk minat murid untuk belajar. Guru pembimbing saya juga sering memantau pelaksanaan tindakan kajian ini agar sentiasa berada di landasan yang betul. Saya juga bersyukur kerana banyak jurnal dan artikel penyelidikan berkaitan kemahiran menulis dan imej visual dapat diperolehi dengan senang. Selain itu, saya juga dapat mengaplikasikan pelbagai teori seperti teori konstruktivisme, teori pembelajaran sosial, dan teori pelbagai kecerdasan dalam latihan yang disediakan. Di samping itu, saya juga telah mempraktikkan kaedah latih tubi untuk meningkatkan lagi pemahaman murid melalui penggunaan imej visual.

Aspek kelemahan pula melibatkan jangka masa yang digunakan untuk melaksanakan penyelidikan ini yang dianggap terlalu singkat. Masa yang agak singkat menyebabkan saya terburu-buru dalam menyediakan latihan yang sesuai, masa tindakan dan bahan-bahan yang diperlukan memandangkan saya juga perlu menyediakan rancangan pengajaran harian dan tugas-tugas lain. Selain itu, ketidakhadiran peserta kajian ke sekolah juga menyebabkan tindakan saya terpaksa ditangguhkan sehingga mereka menghadirkan diri. Ini sekaligus melambatkan proses tindakan yang selanjutnya.

Daripada aspek peluang pula, saya yakin Pika dan Azra mampu menulis huruf 'j' dan 'k' dengan tepat sekiranya mereka sentiasa diberi perhatian oleh guru-guru lain. Saya juga akan melaksanakan kaedah imej visual ini sekiranya terdapat murid yang mengalami masalah yang sama apabila sudah bergelar pendidik kelak.

Kesimpulannya, penggunaan analisis SWOT dapat memberikan saya satu garis panduan tentang keberkesanan pelaksanaan penyelidikan tindakan yang digunakan sekaligus membuat penambahbaikan yang sewajarnya.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Berdasarkan penyelidikan yang telah dilaksanakan, saya banyak melakukan pembacaan melalui buku-buku ilmiah, jurnal, artikel, majalah dan sebagainya untuk mencari perkaitan masalah dengan kaedah yang saya gunakan. Dalam proses pembacaan ini, saya sebenarnya telah meningkatkan amalan kendiri iaitu amalan membaca bahan ilmiah dan belajar mencari ilmu yang sesuai. Malah, saya juga meminjam buku-buku daripada Dewan Bahasa dan Pustaka. Tidak semua bahan yang ada dapat digunakan untuk penyelidikan saya tetapi saya berbangga kerana saya mampu meneroka puluhan buku ilmiah untuk tujuan penyelidikan. Saya juga mempelajari kemahiran berfikir kreatif dan kritis iaitu cara untuk menggunakan dan mengaitkan bahan serta idea yang diperoleh dengan isi penyelidikan ini. Sejujurnya, inilah proses yang mencabar tetapi sangat menarik sebagai seorang guru.

Socrates (469-399 SM) (dalam Ramlah Jantan & Mahani Razali, 2004) pernah berkata, ‘jika kita hendak bercakap, kita mesti melihat. Jika kita hendak melihat, kita mesti berdiri’. Kenyataan Socrates jika ditafsirkan merujuk kepada bukti yang perlu ada jika kita berkata-kata tentang sesuatu. Dalam proses penyelidikan ini, saya telah menempuh satu alam yang sangat mencabar. Cabaran untuk mencari bukti-buktinya agar dapat menyokong hujah-hujah saya selaku seorang penyelidik dan bakal guru. Di sinilah saya mempelajari kemahiran mencari maklumat di laman sesawang dan berkongsi dengan rakan melalui rangkaian dalam talian.

Penyelidikan tindakan ini juga membolehkan saya mengamalkan amalan pembelajaran sepanjang hayat (PSH). Sebagai bakal guru, saya harus menjadikan PSH sebagai satu landasan untuk saya meningkatkan ilmu dan kemahiran selari dengan perubahan pendidikan semasa. Penyelidikan yang dilaksanakan telah memberi peluang kepada saya untuk menerokai ilmu imej visual yang digunakan sebagai kaedah untuk membantu peserta kajian saya. Pelancaran Pelan Tindakan Pendidikan pada 12 September 2012 telah membuktikan kerajaan juga sangat prihatin terhadap profesi keguruan ini. Salah satu aspeknya menuntut agar guru sentiasa meningkatkan amalan profesional masing-masing. Sebagai bakal pendidik, saya harus meneliti, memahami, menghayati serta mengaplikasi konsep PSH untuk menambah baik amalan kendiri disamping meningkatkan ilmu yang dimiliki.

Sebagai seorang guru dan penyelidik, sudah tentu saya mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh Pika dan Azra. Ini membolehkan saya menilai kesan penggunaan imej visual yang digunakan dalam penyelidikan yang dilaksanakan. Saya juga lebih yakin dengan kemampuan diri. Keyakinan ini bermula daripada proses awal melaksanakan tindakan. Sebelum ini saya agak ragu-ragu dengan kebolehan diri. Namun, setelah mendapat bimbingan daripada pensyarah, guru dan rakan, saya menjadi lebih yakin yang saya mampu menyiapkan penyelidikan ini.

Tuntasnya, terlalu banyak pengalaman yang saya lalui sepanjang melaksanakan penyelidikan tindakan ini. Namun begitu, saya sebenarnya berbangga dengan kebolehan diri kerana mampu membuat penyelidikan.

### Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Berdasarkan maklum balas daripada peserta kajian dan guru-guru lain, saya akan melaksanakan bimbingan secara individu kepada Azra dan memberikan lebih banyak latihan menulis mekanis yang mengaplikasikan penggunaan imej visual.

Jika saya berhadapan dengan murid seperti Pika dan Azra pada masa akan datang, saya akan mengaplikasikan kaedah imej visual ini untuk membantu murid. Saya juga akan cuba menggunakan kaedah lain seperti buku garis tiga atau lembaran berkotak jika murid mengalami masalah menulis huruf bergantung kepada fokus masalah mereka.

### RUJUKAN

- Abd Kareem Firdaus Abd Razak. (2010). Pembelajaran Masteri untuk mengatasi masalah menulis huruf besar dan kecil murid Tahun 4. *Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan Tahun 2009 IPGKBL*, 1-12.
- Camelya Loyanto Bronie. (2010). Mengatasi kelemahan penggunaan huruf besar di hadapan ayat Bahasa Melayu murid Tahun 4 melalui imej visual. *Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan Tahun 2009 IPGKBL*, 66-84.
- Campbell, B. (1989). *New Horizons for learning on the beam*, 9 (2).
- Haliza Hamzah & Samuel, J.N. (2009). Perkembangan kanak-kanak. Selangor: Kumpulan Budiman.
- Haliza Hamzah & Samuel, J.N. (2008). Pengurusan bilik darjah dan tingkah laku. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Jerome Agong, Jamurah Galitang & Sobina Boisi, (2008). *Meningkatkan kemahiran menulis ayat menggunakan perkataan yang diberi berdasarkan gambar dalam penulisan Bahasa Inggeris Tahun 6 dengan menggunakan Kaedah Keretapi Ayat*. Diperoleh pada 18 Mac 2012 daripada <http://ilmu.edublogs.org/2008/06/12/E2>
- Lina Ping Madang. (2010). Penguasaan kotak bergaris dalam membantu murid tahun 2 menulis huruf 'j' besar dan kecil dengan betul semasa menjawab soalan kefahaman Bahasa Melayu. *Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan Tahun 2009 IPGKBL*, 157-171.
- Micheal Saten. (2010). Kesan bimbingan secara individu terhadap masalah penggunaan huruf besar dan kecil dalam Bahasa Melayu murid Tahun 4. *Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan Tahun 2009 IPG-KBL*, 199-210
- Ramlah Jantan & Mahani Razali. (2004). *Psikologi Pendidikan – Pendidikan Kontemporari*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia )
- Zailan Jeman. (2005). Besar dan kecil. *Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan Tahun 2005 MPBL*, 63-70.